

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

**SEKOLAH MENENGAH**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TAHUN 2023**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Okttober**

2 jam 30 minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. *Buku Jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak

**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

[35 markah]

- 1** *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Masyarakat tidak seharusnya mempunyai sikap mementingkan diri sendiri tetapi perlu mempunyai sikap yang baik dengan memberikan bantuan kepada pihak yang memerlukan. Namun terdapat juga segelintir masyarakat yang tidak mempedulikan masalah orang lain dan lebih suka mengejar kebendaan. Sikap ini seharusnya dielakkan terutamanya ketika berlaku musibah besar seperti tsunami, banjir dan kejadian ribut. Hal ini akan mengakibatkan kemusnahan harta benda dan banyak nyawa terkorban. Bebanan yang ditanggung oleh mangsa ini akan berkurangan jika masyarakat mengamalkan sikap prihatin dan saling membantu.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Badan Sukarela Kurang Diminati Masyarakat'  
*Wadah Siswa*, Bil. 17/2014

[8 markah]

- 2** *Baca petikan di bawah, kemudian gabungkan ayat-ayat tunggal yang bergaris di bawah menjadi tiga ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.*

Caklempong merupakan alat muzik tradisional. Caklempong mempunyai persamaan bentuk dengan gong. Caklempong berukuran lebih kecil. Bunyan yang dihasilkan oleh caklempong berdenting dan nyaring halus apabila diketuk namun gong berbunyi lebih kasar dan berdengung. Seni muziknya dipercayai dibawa ke negara ini oleh orang Minangkabau. Mereka menetap di Negeri Sembilan seawal abad ke-14. Seni permainan caklempong semakin berkembang walaupun asalnya merupakan pengaruh daripada tradisi Minangkabau dan Sumatera. Alat caklempong dijadikan alat pengganti dalam persembahan muzik dikir barat. Alat caklempong dijadikan alat pengganti dalam wayang kulit Kelantan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Denting Berirama Caklempong yang Rancak'  
oleh Iliyana Hamdan,  
*Wadah Siswa*, Bil. 21/ 2014

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

**Bahan 1**

# PERTANDINGAN MEMANCING

Tarikh : 15 Oktober 2023

KULAI, JOHOR

Masa : 8:00 pagi - 12:00 tengah hari

Tempat : Kolam Pancing Kulai, Kulai, Johor

## HADIAH

**JOHAN**  
RM 3 000

**NAIB JOHAN**  
RM 2 000

**KE-3**  
RM 1 000

**KEDUDUKKAN KE-4 HINGGA KE-10**  
RM 500

**SAGUHATI**  
RM 100


Maklumat lanjut, sila hubungi :  
Encik Mohamad (011 12345678)  
Encik Amirul (019 8765432)

## CABUTAN BERTUAH

- Motosikal
- Televisyen
- Basikal
- Telefon Bimbit

## Syarat pertandingan :

1. Setiap peserta hanya boleh memancing dengan gunakan satu joran sahaja.
2. Ikan yang ditangkap perlu diserahkan ke urus setia untuk ditimbang.
3. Pemancing yang berjaya memancing ikan yang paling berat sekali akan menjadi pemenang.
4. Semua keputusan pihak pengangur adalah mutakhir.



Disahkan oleh : Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai

[6 markah]

**Bahan 2****Laporan Perkhemahan Unit Beruniform SMK Taman Seroja**

Pada 25 Ogos hingga 27 Ogos 2023, SMK Taman Seroja telah diadakan program perkhemahan unit beruniform di Gunung Pulai, Johor. Pasukan beruniform yang terlibat ialah Persatuan Kadet Remaja Sekolah (KRS), Pengakap, Puteri Islam, Pandu Puteri dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM).

Sebanyak 80 orang peserta untuk mewakili unit masing-masing menyertai perkhemahan ini. Semua peserta dan guru menaiki tiga buah bas yang disewa khas ke kem tersebut yang terletak kira-kira 40 kilometer daripada sekolah.

Di kem tersebut, para peserta dikumpulkan kepada 10 kumpulan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti merentas halangan, iktiar hidup, pertolongan cemas dan pertandingan reka cipta. Para peserta menunjukkan semangat kerjasama dalam setiap aktiviti yang telah dijalankan.

Aktiviti perkhemahan ini berjaya mencapai matlamatnya. Para peserta yang terlibat menunjukkan sifat kepimpinan, keberanian dan kerjasama selain memperkenalkan disiplin yang tinggi dalam setiap aktiviti.

Program yang bermanfaat ini akan diteruskan lagi pada tahun hadapan. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.

Laporan disediakan oleh,

2 September 2023

*zairul*

(Ahmad Zairul bin Lokman)

Setiausaha,

Program Perkhemahan Unit Beruniform,  
SMK Taman Seroja.

[5 markah]

4. Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.

Dipetik daripada  
'Kepimpinan Melalui Teladan'  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

5. Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **tiga** peribahasa sahaja, kemudian berikan **maksud** peribahasa tersebut.

Amir telah mengambil keputusan untuk merantau setelah berlaku perselisihan pendapat dan pertengkaran dengan abangnya tentang rumah pusaka arwah bapa mereka. Perasaannya bagi kaca retak seribu dengan sikap abangnya itu. Dia sedar bahawa setiap manusia mempunyai sikap yang berbeza kerana rambut sama hitam, hati lain-lain.

Sepuluh tahun berlalu, Amir telah melupakan pergaduhan yang pernah berlaku. Perasaan rindu akan tempat kelahirannya tidak mampu dibendung lagi lalu dia mengambil keputusan untuk pulang ke kampung halamannya umpama gagak pulang ke benua. Abang Amir begitu terharu dengan kepulangannya lalu mereka berpelukan dan saling bermaafan. Benarlah kata orang tua-tua, air dicencang tidak akan putus kerana perselisihan faham antara ahli keluarga tidak akan berpanjangan, akhirnya akan berbaik-baik semula.

[6 markah]

**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**

[35 Markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**BAHAN 1**

Remaja hari ini kebanyakannya menghadapi konflik untuk menguruskan wang bulanan mereka. Konflik kewangan tersebut timbul disebabkan wujudnya kekeliruan dalam mengenal pasti antara barang keperluan atau kehendak dalam diri remaja. Remaja juga kurang ilmu tentang pengurusan kewangan. Selain itu, mereka boros berbelanja bagi sesuatu tujuan melebihi keperluan asas. Keadaan tersebut sebenarnya sangat membimbangkan kerana akhirnya golongan ini tiada wang simpanan. Namun begitu, jika remaja pandai merancang dan tahu cara terbaik untuk berhemat, tidak mustahil mereka mampu mengawal nafsu sendiri ketika berbelanja. Cara yang paling mudah adalah dengan merekodkan setiap perbelanjaan. Bagi yang masih tinggal bersama dengan ibu bapa atau penjaga, para remaja boleh meminta nasihat ibu bapa sebelum membelanjakan wang mereka. Dengan cara ini, setidak-tidaknya sedikit demi sedikit mereka mampu memperbaiki corak perbelanjaan bulanan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Berhematlah dalam Berbelanja’  
oleh Haris Mohamad  
Dewan Siswa, Bil. 9/ 2020

**BAHAN 2**

Seseorang perlu mengelakkan hutang sekiranya tiada keperluan yang mendesak. Dalam aspek pengurusan kewangan, apabila seseorang menggunakan 30 peratus daripada gaji bulanan untuk membayar hutang, maka mereka sudah dikira mempunyai masalah kewangan yang serius. Walau bagaimanapun golongan muda perlu bijak membezakan antara jenis hutang baik dan hutang yang tidak baik. Hutang yang baik ialah hutang bagi memenuhi keperluan asas seperti pembiayaan pinjaman perumahan, pendidikan dan perniagaan. Pembiayaan ini boleh dianggap sebagai pelaburan jangka masa panjang. Manakala jenis hutang yang tidak baik pula ialah pembiayaan peribadi dan pinjaman kad kredit. Kadar faedah yang tinggi dalam setiap pinjaman yang dilakukan menyebabkan seseorang itu terikat dengan komitmen bulanan yang tinggi. Bagi golongan muda yang baru bekerja, hindarilah daripada membuat pinjaman peribadi dan penggunaan kad kredit sebaliknya hendaklah bijak mengurus kewangan mengikut keperluan masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
 ‘Golongan Muda dan Amalan Berhutang’  
 oleh Muhammad Farkhan Kamarolzaman,  
 Dewan Siswa, bil 11/ 2018

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah punca-punca yang menyebabkan golongan remaja tiada wang simpanan? [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan cara-cara untuk menguruskan kewangan dengan bijak. [3 markah]
- (iii) Sesetengah individu lebih cenderung menggunakan kad kredit untuk berbelanja berbanding menggunakan wang tunai.

Pada pandangan anda, mengapakah seseorang memilih untuk berbelanja menggunakan kad kredit? [4 markah]

- (iv) Pengumuman tentang kenaikan kadar faedah pinjaman bank oleh Bank Negara baru-baru ini menyebabkan Damia berasa risau kerana dia telah membuat beberapa pinjaman dengan pihak bank justeru komitmen bayaran hutang bulanannya juga akan meningkat. Dia sedar akan kesilapannya dan berusaha untuk menguruskan pinjaman bulanan yang dibuat.

Jika anda ialah Damia, apakah perancangan-perancangan yang anda lakukan untuk memastikan anda masih mampu membayar hutang bulanan bank yang meningkat? [4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

“Jika ada aduan pun, saya fikir hanya segelintir kecil saja. Yang penting majoriti tidak membantah. Jadi, apa perlunya kita tunduk pada segelintir pemegang saham minoriti yang hanya memiliki beberapa lot saham itu?” Safuan bersuara garau, menyuarakan pendapatnya. Bahar yang duduk di sebelahnya, senang dengan sokongan yang diterima.

“Biarpun mereka pemegang saham minoriti, kita wajar mengambil kira pendapat mereka jika apa yang disuarakan mempunyai asas yang kukuh dari segi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita. Kita dalam Gulung Dawai Berhad turut bertanggungjawab dan boleh memainkan peranan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa korporat yang boleh menyumbang ke arah pemupukan perpaduan kaum di negara kita ini,” Dr. Fazlan berhujah dengan tegas. Matanya tidak lekang memerhatikan riak wajah para pegawai kanannya yang mendukung wawasan dan visi baharu Gulung Dawai Berhad yang mengutamakan prinsip mesra pelanggan dan hubungan baik dengan para pemegang saham.

Dipetik daripada  
cerpen ‘Riak Perubahan’ oleh Osman Ayob,  
antologi *Sebuah Surau Sebuah Rumah di Tepi Kondominium*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 2****Bahasa Kita**

Bahasa kita bahasa Melayu,  
Tercipta cita menuju maju.

Maju bahasa majulah bangsa,  
Ilmu yang ada kita perkasa.

Perkasa bahasa martabat negara,  
Berjasa kita mengangkat namanya.

Namanya bahasa diucapkan di lidah,  
Terasa selesa membawa ibadah.

Ibadah bahasa sebaik-baik bicara,  
Indah terasa di majlis dan acara.

Acara memperkasa bahasa agenda,  
Dimartabatkan kuasa di atas takhta.

Takhta bahasa letaknya di hati kita,  
Jadikan acara itu puncak cita-cita.

Cita-cita bahasa eratkan perpaduan,  
Sentiasa berbahasa dengan rakan taulan.

Rakan taulan yang berbahasa baik,  
Nampak kelihatan sentiasa cantik.

Cantik berbahasa di mana-mana sahaja,  
Molek terasa meresap ke dalam jiwa..

**Ami Masra**

Kuala Lumpur

Gurindan Jiwa Penawar Duka, DBP 2018

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menyuarkan pendapatnya*.  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan sebab-sebab bahasa Melayu perlu dimartabatkan?  
[3 markah]
- (iii) Usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa korporat perlu diberikan keutamaan agar bahasa Melayu terus kekal relevan sebagai bahasa yang dapat menyumbang ke arah kemajuan ekonomi negara.

Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa korporat?

[3 markah]

- (iv) Syarikat anda telah mengambil beberapa orang pekerja asing berkemahiran untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada. Anda dapati pekerja tersebut tidak fasih berbahasa Melayu sehingga menyukarkan komunikasi dalam kalangan pekerja syarikat. Situasi ini menimbulkan kebimbangan kepada anda sebagai pengurus syarikat tersebut.

Apakah tindakan-tindakan yang perlu anda ambil agar masalah tersebut dapat diatasi?  
[4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Saya fikir, tuan-tuan dan puan-puan telah maklum tentang perkara ini. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat kepastian daripada tuan-tuan dan puan-puan, adakah kita bersetuju dengan cadangan daripada Haiqal, anak kepada arwah Cikgu Abdullah bin Kayan untuk menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula? ujar Haji Jamil. Dalam soal seperti ini, dia memerlukan mandat daripada ahli JKKK untuk meneruskan rancangan itu.

Haiqal hanya mendiamkan diri. Dia kini menanti keputusan ahli jawatankuasa yang hadir dengan penuh debaran. Jantungnya berdegup kencang seperti roda kereta api yang ligat berputar. Beberapa orang ahli jawatankuasa dan jemputan yang hadir kelihatan berbisik-bisik sesama sendiri. Keadaan seperti itu agak mencemaskan bagi Haiqal, malah merimaskan juga.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*,

Karya Nizar Parman  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perasaan Haiqal apabila Haji Jamil meminta persetujuan ahli JKKK untuk menghidupkan semula kumpulan zapin D'Purnama. [4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Tuhanini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusof
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraiakan peristiwa-peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati dalam kalangan pembaca.

[6 markah]

**BAHAGIAN C: RUMUSAN**

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*


**Bahan 1**

Industri pelancongan merupakan antara sektor utama yang menyumbang kepada pendapatan negara. Pada tahun 2022, sektor ini berjaya menjana pendapatan sebanyak RM28.2 bilion dengan kehadiran 10 juta pelancong asing ke Malaysia. Namun demikian, kerancakan perkembangan industri pelancongan ini telah menyebabkan kemerosoton kualiti air laut akibat pelepasan sisa kumbahan dari hotel, resort dan chalet yang dibina. Untuk mendepani cabaran ini, kerajaan telah meningkatkan kerjasama serantau bagi mengawal pencemaran laut melalui pemantauan dan perkongsian pembersihan teknologi air laut yang tercemar.

Penularan wabak COVID-19 juga merupakan antara kekangan yang perlu dihadapi dalam menggalakkan industri pelancongan di negara kita. Usaha kerajaan menganjurkan Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA ‘23) dilihat mampu melonjakkan kembali industri pelancongan yang suram selepas penularan virus korona ini. Pada masa yang sama, agensi pelancongan di negara ini boleh mengambil peluang dari pengajuran LIMA ‘23 untuk mencari rakan kongsi dari luar negara. Selain itu, kerajaan juga boleh mewujudkan pelbagai inisiatif untuk membantu agensi pelancongan menjual pakej pelancongan mereka kepada pelancong asing.

Dalam usaha menggalakkan perkembangan industri pelancongan ini, pelbagai produk kraf tangan dan cenderamata juga perlu diperkenalkan kepada pelancong. Sebagai contohnya, Sabah yang kaya dengan produk aksesori berdasarkan mutiara dan produk anyaman merupakan antara destinasi menarik yang patut dikunjungi. Namun, kebanyakan generasi muda kini semakin melupakan seni anyaman tangan yang menjadi sebahagian daripada warisan negara ini. Tuntasnya, penggembangan tenaga daripada semua pihak amat penting dalam membantu perkembangan industri pelancongan negara kita.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Semporna Yang Sempurna’  
oleh Kalam Jambu,  
*Dewan Siswa*, Bil 06/2

**Bahan 2****Bahan 3**

Lembut bicara terasa tenang,  
 Petah membiaskan madah intelektual;  
 Pelancongan negara perlu dicanang,  
 Boleh promosikan di media sosial.

Hujah bertalu menyampaikan fikiran,  
 Ilmu dijunjung bahasa disanjung;  
 Rakyat perlu menjaga keamanan,  
 Agar pelancong datang berkunjung.

Fasihnya lidah falsafah budi,  
 Sopan perlakuan tinggi pesona;  
 Malaysia indah memikat hati,  
 Terkenal megah di seluruh dunia.

**NUKILAN  
LIEZ MUSA  
KOTA KECEMERLANGAN**

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**